

FAQ HIBAH AMANAH TH

1. Apakah itu Hibah Amanah TH?

Hibah Amanah **TH** adalah pemberian Harta Hibah Amanah daripada akaun simpanan **TH** oleh Pemberi Hibah Amanah semasa hidupnya kepada Penerima Hibah Amanah atas dasar kasih sayang, secara sukarela, tanpa paksaan dan tanpa mengenakan sebarang balasan dan berlakunya ijab dan qabul di antara Pemberi Hibah Amanah dan Penerima Hibah Amanah. Harta Hibah Amanah tersebut akan dipegang oleh Pemberi Hibah Amanah yang bertindak sebagai Pemegang Amanah dan akan diserahkan kepada Penerima Hibah Amanah selepas kematian Pemberi Hibah Amanah dan/atau kepada waris Penerima Hibah Amanah sekiranya Penerima Hibah Amanah meninggal dunia terlebih dahulu.

2. Mengapa TH menawarkan produk Hibah Amanah TH?

- Pemberi Hibah Amanah bebas menghibahkan Harta Hibah Amanah yang dimiliki kepada sesiapa sahaja penerima yang dihajati.
- Pemberian Hibah Amanah **TH** adalah tidak tertakluk kepada faraid. Oleh yang demikian, sesiapa sahaja layak menerima Harta Hibah Amanah.
- Harta Hibah Amanah yang telah dihibahkan dengan cara yang sempurna tidak boleh dituntut oleh waris-waris lain secara faraid.
- Sebagai satu alternatif atau penyelesaian bagi pembahagian harta bagi saudara baru/mualaf yang tidak mempunyai waris beragama Islam atau kepada anak angkat.
- Pemberi Hibah Amanah masih boleh menikmati faedah, membuat urus niaga dan mendapat semua manfaat daripada Harta Hibah Amanah yang telah dihibahkan tersebut selama mana Pemberi dan Penerima Hibah Amanah masih hidup.
- Pembatalan dan pindaan Hibah Amanah **TH** tidak boleh dibuat tanpa mendapat persetujuan Penerima Hibah Amanah kecuali Penerima Hibah Amanah adalah anak kandung dan/atau cucu kandung Pemberi Hibah Amanah.

3. Sebelum wujudnya Hibah Amanah TH, bagaimana TH menguruskan akaun simpanan TH Pendeposit yang telah meninggal dunia?

- Bagi Pendeposit yang membuat Penamaan, baki akaun simpanan **TH** Pendeposit boleh dituntut oleh penama yang telah dilantik oleh pendeposit semasa hayatnya. Penama yang dilantik adalah merupakan Pentadbir/Pemegang Amanah sahaja dan bertanggungjawab untuk mengagihkan baki akaun simpanan **TH** Pendeposit kepada waris mengikut Hukum Faraid.
- Bagi Pendeposit yang tidak membuat Penamaan, waris Pendeposit boleh membuat tuntutan ke atas akaun simpanan **TH** Pendeposit dengan mengemukakan Surat Kuasa / Perintah (Mahkamah Syariah / Mahkamah Sivil / Bicara Kecil Pejabat Tanah / Amanah Raya Berhad)

<p>4.</p>	<p>Apakah peranan dan tanggungjawab TH dalam perjanjian Hibah Amanah TH?</p> <p>Penerima Hibah Amanah melantik Pemberi Hibah Amanah sebagai Pemegang Amanah. Namun, selepas kematian Pemberi Hibah Amanah, TH berperanan sebagai Pemegang Amanah Gantian untuk mentadbir dan membahagikan Harta Hibah Amanah (wang simpanan TH) yang dihibahkan oleh Pemberi Hibah Amanah kepada Penerima Hibah Amanah.</p>
<p>5.</p>	<p>Dimanakah permohonan Hibah Amanah TH ini boleh dilakukan?</p> <p>Permohonan Hibah Amanah TH boleh dilakukan di mana-mana pejabat cawangan TH di seluruh Malaysia.</p>
<p>6.</p>	<p>Adakah Penerima Hibah Amanah perlu mengesahkan persetujuan pembahagian Hibah Amanah TH ini?</p> <p>Pemberi Hibah Amanah perlu mendapatkan persetujuan daripada Penerima Hibah Amanah sebelum pendaftaran Hibah Amanah TH dibuat kerana Ijab dan Qabul (sighah) di antara kedua-dua pihak adalah wajib.</p>
<p>7.</p>	<p>Bolehkah Pemberi Hibah Amanah menggunakan wang dalam akaun simpanan TH setelah membuat permohonan Hibah Amanah TH?</p> <p>Boleh. Pemberi Hibah Amanah boleh menggunakan Harta Hibah Amanah tersebut untuk faedah dirinya, membuat urus niaga dan mendapat semua manfaat yang berkaitan dengan Harta Hibah Amanah tersebut selama mana Pemberi Hibah Amanah/Penerima Hibah Amanah masih hidup.</p>
<p>8.</p>	<p>Bagaimana jika Penerima Hibah Amanah meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Pemberi Hibah Amanah?</p> <p>Sekiranya Penerima Hibah Amanah meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Pemberi Hibah Amanah, Harta Hibah Amanah tersebut akan menjadi harta pusaka Penerima Hibah Amanah. Harta Hibah Amanah tersebut akan dibayar oleh TH kepada waris Penerima Hibah Amanah mengikut Surat Kuasa Mentadbir/Perintah yang dikemukakan oleh pentadbir/waris penerima Hibah Amanah apabila membuat tuntutan.</p>
<p>9.</p>	<p>Siapakah yang boleh membuat tuntutan Hibah Amanah TH tersebut jika Penerima Hibah Amanah meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Pemberi Hibah Amanah?</p> <p>Waris kepada Penerima Hibah Amanah boleh membuat tuntutan ke atas Harta Hibah Amanah TH tersebut di mana-mana pejabat cawangan TH.</p>

<p><u>10.</u></p>	<p>Bolehkah Pemberi Hibah Amanah mendaftar Hibah Amanah <i>TH</i> sekiranya beliau telah pun membuat Penamaan bagi akaun simpanannya di <i>TH</i>?</p> <p>Boleh, tetapi Penamaan yang sedia ada akan terbatal. Hibah Amanah <i>TH</i> memberi pilihan kepada Pemberi Hibah Amanah sama ada ingin membuat Hibah Amanah <i>TH</i> secara keseluruhan ataupun gabungan Hibah Amanah dan Penamaan ke atas wang simpanannya di <i>TH</i>. Jumlah keseluruhan peratusan bahagian Hibah Amanah atau gabungan Hibah Amanah dan Penamaan hendaklah berjumlah sebanyak seratus peratus (100%). Sekiranya Pemberi Hibah Amanah membuat Hibah Amanah atau gabungan Hibah Amanah dan Penamaan, mana-mana Penamaan yang telah dibuat sebelum ini adalah terbatal.</p>
<p><u>11.</u></p>	<p>Bolehkan orang yang tidak waras dan/atau berumur di bawah 18 tahun menjadi Penerima Hibah Amanah?</p> <p>Boleh, tetapi Pemberi Hibah Amanah hendaklah melantik Penjaga Sah sekiranya Penerima Hibah Amanah berumur di bawah 18 tahun dan/atau tidak waras, Penjaga Sah bertanggungjawab ke atas segala transaksi yang terlibat untuk kepentingan dan kebajikan Penerima Hibah Amanah tersebut. Apabila Penerima Hibah Amanah mencapai umur 18 tahun, maka gugurlah kuasa sebagai Penjaga Sah. Manakala bagi Penerima Hibah yang tidak waras, kuasa sebagai Penjaga Sah adalah kekal selagi tidak dipinda ataupun dibatalkan.</p>
<p><u>12.</u></p>	<p>Pengagihan Hibah Amanah <i>TH</i> dilaksanakan mengikut amaun atau peratusan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengagihan Hibah Amanah <i>TH</i> akan ditentukan oleh Pemberi Hibah Amanah mengikut peratusan. Amaun yang akan diterima oleh Penerima Hibah Amanah adalah bergantung kepada jumlah baki akaun simpanan <i>TH</i> Pemberi Hibah Amanah semasa tuntutan dibuat. • Manakala sekiranya Penerima Hibah Amanah meninggal dunia terlebih dahulu, bayaran akan dibuat kepada waris berdasarkan peratusan ke atas amaun yang ada pada tarikh kematian Penerima Hibah Amanah dan sekiranya amaun tersebut telah berkurangan <i>TH</i> akan membuat bayaran berdasarkan baki semasa tuntutan dibuat oleh waris dan adalah menjadi tanggungjawab Pemberi Hibah Amanah untuk membuat perbezaan bayaran kepada waris Penerima Hibah Amanah.

13. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan untuk membuat permohonan dan tuntutan Hibah Amanah TH ?

(i) Dokumen yang perlu dikemukakan oleh Pendeposit semasa membuat permohonan Hibah Amanah **TH**

- Borang Permohonan Hibah Amanah **TH** (JP031)
- Surat Kuasa Wakil
- Dokumen Pengenalan Diri Pemberi Hibah Amanah/*Pendeposit (asal dan salinan diakui sah);
- Dokumen Pengenalan Diri Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima Namaan (salinan diakui sah);
- Sijil Kelahiran/Sijil Pengangkatan bagi Penerima Hibah Amanah berumur di bawah 18 tahun (salinan diakui sah);
- Dokumen sokongan Penerima Hibah Amanah yang tidak waras (salinan diakui sah)
- Yuran/bayaran pendaftaran Hibah Amanah **TH** dikenakan sebanyak RM190.00
- Baki minima Akaun TH hendaklah berjumlah RM1,200.00 (termasuk yuran pendaftaran) ke atas dan sekiranya pendeposit ada membuat pendaftaran haji (kecuali KWSP), baki minima hendaklah berjumlah RM2,500.00 ke atas.

ii) Dokumen yang perlu dikemukakan oleh Penerima Hibah Amanah/Waris Penerima Hibah Amanah semasa membuat tuntutan pengeluaran Hibah Amanah **TH**

- Borang Tuntutan Pengeluaran Hibah Amanah **TH** (JP035)
- Dokumen Pengenalan Diri Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima Namaan (asal dan salinan diakui sah)
- Sijil Kematian/Laporan Kematian Luar Negara Pemberi Hibah Amanah. (asal dan salinan diakui sah)
- Sijil Kelahiran/Sijil Pengangkatan (jika Penerima Hibah Amanah di bawah umur 18 tahun dan/atau tidak waras). (asal dan salinan diakui sah)
- Sijil Kematian/Laporan Kematian Luar Negara bagi Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan yang telah meninggal dunia. (asal dan salinan diakui sah)
- Surat Kuasa Mentadbir/Perintah (sekiranya Penerima Hibah Amanah telah meninggal dunia). (asal dan salinan diakui sah)
- Kos tuntutan Hibah Amanah TH dikenakan sebanyak 1 peratus (1%) daripada baki

<p>14.</p>	<p>Adakah Penerima Hibah Amanah akan menerima notifikasi selepas permohonan Hibah Amanah <i>TH</i> didaftarkan?</p> <p>Tidak. Adalah menjadi tanggungjawab Pemberi Hibah Amanah untuk memaklumkan kepada Penerima Hibah Amanah.</p>
<p>15.</p>	<p>Bolehkah Penerima Hibah Amanah terdiri daripada kalangan badan kebajikan/ yayasan/ pertubuhan atau institusi tertentu?</p> <p>Tidak boleh. Penerima Hibah Amanah <i>TH</i> mestilah terdiri daripada individu yang bukan daripada kalangan badan kebajikan/yayasan/pertubuhan atau institusi tertentu.</p>
<p>16.</p>	<p>Semasa membuat permohonan Hibah Amanah <i>TH</i>, berapakah baki minima yang perlu ada di dalam Akaun <i>TH</i>?</p> <p>Baki minima Akaun <i>TH</i> hendaklah berjumlah RM1,200.00 (termasuk yuran pendaftaran) ke atas dan sekiranya Pendeposit ada membuat pendaftaran haji (kecuali pendaftaran melalui KWSP), baki minima hendaklah berjumlah RM2,500.00 ke atas.</p>
<p>17.</p>	<p>Mengapakah perlu ada baki minima RM1,000.00 (tidak termasuk yuran pendaftaran) di dalam akaun simpanan <i>TH</i> Pemberi Hibah Amanah setelah mendaftar Hibah Amanah <i>TH</i>?</p> <p>Pemberi Hibah Amanah mestilah pada setiap masa mengekalkan baki wang simpanan minimum berjumlah RM1,000.00 bagi memastikan wujudnya Harta Hibah Amanah apabila berlakunya kematian Pemberi Hibah Amanah / Penerima Hibah Amanah.</p>
<p>18.</p>	<p>Bolehkah Pemberi Hibah Amanah meminda dan/atau membatalkan Hibah Amanah <i>TH</i> yang didaftarkan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Boleh, sekiranya Penerima Hibah Amanah itu terdiri daripada anak kandung/cucu kandung kepada Pemberi Hibah Amanah. • Selain daripada pertalian tersebut, Pemberi Hibah Amanah perlu mendapatkan persetujuan terlebih dahulu daripada Penerima Hibah Amanah sebelum pindaan atau pembatalan dibuat. • Bagi kedua-dua situasi di atas, pindaan atau pembatalan perlulah dilaksanakan semasa Penerima Hibah Amanah masih hidup sahaja. • Kos yang terlibat adalah seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> - Pindaan RM10.00 - Pembatalan RM70.00

<p>19.</p>	<p>Bagaimanakah Pemberi Hibah Amanah boleh meminda Hibah Amanah <i>TH</i>?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hibah Amanah <i>TH</i> boleh dipinda untuk tujuan-tujuan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) Pembatalan salah seorang atau lebih Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/ *Penerima Namaan. ii) Tambahan Penerima Hibah Amanah/*Penerima Namaan. iii) Penggantian Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/*Penerima Namaan. iv) Meminda peratusan Bahagian Harta Hibah Amanah • Melengkapkan Borang Pindaan Hibah Amanah <i>TH</i>/*Penamaan tertakluk kepada terma-terma & syarat-syarat yang telah ditetapkan:
<p>20.</p>	<p>Bagaimanakah Pemberi Hibah Amanah boleh membatalkan Hibah Amanah <i>TH</i>?</p> <p>Hibah Amanah <i>TH</i> boleh dibatalkan dengan melengkapkan Borang Pembatalan Hibah Amanah <i>TH</i>/*Penamaan tertakluk kepada terma-terma & syarat-syarat yang telah ditetapkan.</p>
<p>21.</p>	<p>Bolehkah akaun simpanan Pemberi Hibah Amanah <i>TH</i> ditutup selepas pendaftaran Hibah Amanah <i>TH</i> dibuat?</p> <p>Boleh sekiranya Pemberi Hibah Amanah membuat pembatalan Hibah Amanah <i>TH</i> terlebih dahulu sepertimana yang dinyatakan pada bilangan 19 dan 21 di atas.</p>
<p>22.</p>	<p>Apakah yang akan berlaku jika Pemberi Hibah Amanah muflis?</p> <p>Hibah Amanah <i>TH</i> tidak terbatal tetapi <i>TH</i> akan menguruskan Hibah Amanah <i>TH</i> tersebut mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh <i>TH</i> tertakluk kepada undang-undang kebangkrapan yang berkuatkuasa. <i>TH</i> berhak untuk membekukan Harta Hibah Amanah jika terdapat sebarang peruntukan undang-undang yang memerlukannya berbuat demikian sehingga perkara tersebut diselesaikan dengan pihak yang terbabit. <i>TH</i> tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang dialami oleh mana-mana pihak berhubung dengan sebarang tindakan yang diambil di bawah peruntukan ini.</p>
<p>23.</p>	<p>Apakah yang akan berlaku jika Pemberi Hibah Amanah hilang keupayaan mental?</p> <p>Dalam keadaan Pemberi Hibah Amanah hilang keupayaan mental, pengeluaran wang daripada akaun simpanan <i>TH</i> Pemberi Hibah Amanah oleh wakil dibenarkan dengan syarat mendapat persetujuan secara bertulis daripada semua waris yang berhak berdasarkan Hukum Syarak dan tertakluk kepada Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) dan peraturan-peraturan <i>TH</i> yang berkuatkuasa serta Borang Permohonan Hibah Amanah <i>TH</i>/*Penamaan.</p>

24. Apakah perbezaan antara Penamaan dan Hibah Amanah *TH*?

Diskripsi	Penamaan	Hibah Amanah <i>TH</i>
K e l a y a k a n Pemohon/Pemberi Hibah Amanah	<ul style="list-style-type: none"> • Pemohon mestilah seorang pendeposit <i>TH</i>; • Waras; dan • Berumur 18 tahun dan ke atas. • Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Borang Penamaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pendeposit <i>TH</i> • Waras; • Berumur 18 tahun dan ke atas; • Mempunyai akaun simpanan dewasa; dan • Tertakluk kepada terma-terma dan syarat- syarat di dalam Borang Permohonan Hibah Amanah <i>TH</i>/*Penamaan, Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil.
K e l a y a k a n Penerima Namaan/ Penerima Hibah Amanah	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan Penerima Namaan adalah terhad kepada dua (2) orang sahaja; • Waris mengikut Hukum Syarak; • Waras; dan • Tiada had umur. 	<ul style="list-style-type: none"> • Individu warganegara Malaysia ataupun bukan warganegara Malaysia; • Tiada had bilangan Penerima Hibah Amanah; • Beragama Islam atau bukan beragama Islam; • Waras (sekiranya tidak waras, Pemberi Hibah Amanah hendaklah melantik Penjaga Sah); dan • Tiada had umur (sekiranya Penerima Hibah Amanah berumur di bawah 18 tahun, Pemberi Hibah Amanah hendaklah melantik Penjaga Sah).
D o k u m e n Sokongan Untuk Permohonan	<ul style="list-style-type: none"> • Dokumen pengenalan diri Pendeposit <i>TH</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dokumen Pengenalan Diri Pemberi Hibah Amanah (asal dan salinan diakui sah); • Dokumen Pengenalan Diri Penerima Hibah Amanah / Penjaga Sah (salinan diakui sah); • Sijil Kelahiran/Sijil Pengangkatan bagi Penerima Hibah Amanah berumur di bawah 18 tahun (salinan diakui sah); • Dokumen sokongan Penerima Hibah Amanah yang tidak waras (salinan diakui sah) •

Bila Pembayaran Berlaku	<ul style="list-style-type: none"> • Pendeposit meninggal dunia. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemberi Hibah Amanah meninggal dunia; atau • Penerima Hibah Amanah meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Pemberi Hibah Amanah.
P e n e r i m a P e m b a y a r a n Penamaan/Hibah Amanah TH	Wang simpanan Pendeposit akan dibayar kepada Penerima Namaan yang dinamakan di dalam Borang Penamaan yang akan membuat pembahagian mengikut Hukum Syarak (Faraid).	Harta Hibah Amanah akan dibayar kepada Penerima Hibah Amanah/ *Penjaga Sah yang dinamakan di dalam Borang Permohonan Hibah Amanah TH /*Penamaan atau kepada waris Penerima Hibah Amanah sekiranya Penerima Hibah Amanah meninggal dunia terlebih dahulu.
Pendaftaran	<ul style="list-style-type: none"> • Pendeposit hadir di pejabat cawangan TH; • Lengkapkan Borang Penamaan (Tanda tangan dan cap ibu jari kiri pendeposit diperlukan). 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemberi Hibah Amanah hadir di pejabat cawangan TH; • Lengkapkan Borang Permohonan Hibah Amanah TH/*Penamaan (JP031), Suratikatan Hibah Amanah dan Surat Kuasa Wakil. • Maklumat dan tandatangan Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/Penerima Namaan/Saksi diperlukan.
K e m a s k i n i Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Pendeposit perlu mengisi semula Borang Penamaan yang baru dan Borang Penamaan yang sedia ada akan terbatal. • Tidak perlu persetujuan Penerima Namaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemberi Hibah Amanah boleh mengemaskini maklumat peribadinya dengan melengkapkan Borang Maklumat Ahli (JP003), manakala kemaskini maklumat peribadi Penerima Hibah Amanah/Penerima Namaan dan/atau Penjaga Sah perlu menggunakan Borang Kemaskini Maklumat Peribadi Hibah Amanah TH/*Penamaan (JP032) • Tidak perlu persetujuan Penerima Hibah Amanah/Penjaga Sah/ Penerima Namaan

Pindaan	<ul style="list-style-type: none"> • Pendeposit perlu mengisi semula Borang Penamaan yang baru dan Borang Penamaan yang sedia ada akan terbatal. • Tidak perlu persetujuan Penerima Namaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pindaan tidak boleh dibuat tanpa mendapat persetujuan Penerima Hibah Amanah kecuali Penerima Hibah Amanah adalah anak kandung dan/atau cucu kandung Pemberi Hibah Amanah tetapi Pemberi Hibah Amanah hendaklah membuat pengesahan bahawa anak kandung dan/atau cucu kandung masih hidup. • Syarat-syarat pindaan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Borang Pindaan Hibah Amanah TH/*Penamaan (JP033)
Pembatalan	<ul style="list-style-type: none"> • Pendeposit perlu ke pejabat cawangan TH membuat pembatalan penamaan. • Tidak perlu persetujuan Penerima Namaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembatalan tidak boleh dibuat tanpa mendapat persetujuan Penerima Hibah Amanah kecuali Penerima Hibah Amanah adalah anak kandung dan/atau cucu kandung Pemberi Hibah Amanah tetapi Pemberi Hibah Amanah hendaklah membuat pengesahan bahawa anak kandung dan/atau cucu kandung masih hidup. • Syarat-syarat pembatalan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Borang Pembatalan Hibah Amanah TH/*Penamaan (JP034).
T e m p o h berkuatkuasa	Serta Merta.	Serta Merta.
Kos Permohonan	Tiada.	RM190.00
Kos Pembatalan	Tiada.	RM70.00
Kos Pindaan	Tiada.	RM10.00
Kos Tuntutan	Tiada.	Sebanyak 1% daripada baki wang simpanan TH Pemberi Hibah Amanah atau maksimum RM 10,000.00 Bayaran tersebut akan ditolak daripada akaun simpanan TH Pemberi Hibah Amanah.
Kos Kemaskini	Tiada	Tiada

Had bilangan Penerima Namaan / Penerima Hibah Amanah	2 orang Penerima Namaan. Sahaja.	Tiada Had Bilangan.
Tempoh proses untuk pembayaran pusaka/Hibah Amanah TH	14 hari bekerja.	30 hari bekerja.
Bilakah tuntutan boleh dibuat?	<ul style="list-style-type: none"> • Setelah Pendeposit meninggal dunia. • Penama/Waris perlu melengkapkan Borang JP005 dan/atau JP006 	<ul style="list-style-type: none"> • Setelah Pemberi Hibah Amanah atau Penerima Hibah Amanah meninggal dunia. • Penerima Hibah/Waris Penerima Hibah/Penerima Namaan perlu melengkapkan Borang Tuntutan Pengeluaran Hibah Amanah TH/ *Penamaan (JP035)

CONTOH SITUASI 1:

Pemberi Hibah Amanah Meninggal Dunia:

En. Abu (Pemberi Hibah Amanah) telah mendaftar Hibah Amanah **TH** pada **25 Mac 2015** dan menamakan **2 orang Penerima Hibah Amanah** mengikut agihan peratusan iaitu **Cik Aminah** dihibahkan sebanyak **50%** dan **En. Amir** sebanyak **50%**. Pada **31 Mac 2015 En. Abu meninggal dunia. Jumlah baki simpanan di TH** pada ketika itu adalah **RM500, 000.00**. Berapakah amaun yang akan diterima oleh kedua-dua penerima Hibah tersebut?

Cara pengiraan proses penutupan akaun Pemberi Hibah Amanah (En. Abu):

- *Baki akaun simpanan TH semasa tuntutan dibuat = RM500,000.00*

Tolak

- *Yuran Tutup Akaun RM5.00*
- *1 % Yuran Tuntutan (1% x RM499,995.00) = RM4,999.95*



$$RM500,000.00.00 - RM5.00 - RM4,999.95 = RM 494,995.05$$

Jumlah yang akan diagihkan kepada Penerima Hibah Amanah adalah **RM494, 995.05**

a) Jumlah yang diterima oleh Cik Aminah

Bahagian yang diterima = 50%

Baki akaun En Abu= RM494, 995.05

Oleh itu,

$$50\% \times RM494, 995.05 = \underline{RM247, 497.52}$$

b) Jumlah yang diterima oleh En. Amir

Bahagian yang diterima = 50%

Baki akaun En Abu = RM494, 995.05

Oleh itu,

$$50\% \times RM494, 995.05 = \underline{RM247, 497.52}$$

CONTOH SITUASI 2:

Pemberi Hibah Amanah Meninggal Dunia:

En Hussaini (Pemberi Hibah Amanah) telah mendaftar Hibah Amanah **TH** pada **1 Januari 2015** dan menamakan **3 orang Penerima Hibah Amanah** mengikut agihan peratusan iaitu **Cik Zulaika** dihibahkan sebanyak **20%**, **En Ridzuan** sebanyak **20%** dan **En Rafizi** dihibahkan dengan kadar peratusan **30%**. Selain itu, beliau juga telah menamakan anak beliau, **Mohd Haziq** sebagai **Penerima Namaan** bagi baki lebihan iaitu sebanyak **30%**. Pada **1 April 2015**, **En. Hussaini** telah meninggal dunia. Jumlah baki akaun simpanan **TH** **En. Hussaini** pada ketika itu adalah **RM2 juta**. Berapakah amaun tuntutan yang akan diterima oleh ketiga - tiga

Penerima Hibah Amanah dan seorang Penerima Namaan yang telah dinamakan berdasarkan situasi di atas?

Cara pengiraan proses penutupan akaun Pemberi Hibah Amanah (En Hussaini):

- *Baki akaun simpanan TH semasa tuntutan dibuat = RM2,000,000.00*

Tolak

- *Yuran Tutup Akaun RM5.00*
- *1 % Yuran Tuntutan (1% x RM1,999,995.00) = RM19,999.95*
(Kadar Maksima RM10, 000.00)

$RM2, 000,000.00 - RM5.00 - RM10,000.00 = RM1, 989,995.00$
--

Jumlah yang akan diagihkan kepada Penerima Hibah Amanah dan Penerima Namaan adalah **RM1, 989,995.00**

a) Jumlah yang diterima oleh Cik Zulaika

Bahagian yang diterima = 20%

Baki akaun En Hussaini = RM1, 989,995.00

Oleh itu,

*20% x RM1, 989,995.00 = **RM397, 999.00***

b) Jumlah yang diterima oleh En Ridzuan

Bahagian yang diterima = 20%

Baki akaun En Hussaini = RM1, 989,995.00

Oleh itu,

*20% x RM1, 989,995.00= **RM397, 999.00***

c) Jumlah yang diterima oleh En Rafizi

Bahagian yang diterima = 30%

Baki akaun En Hussaini = RM1, 989,995.00

Oleh itu,

$30\% \times RM1, 989,995.00 = \underline{RM596,998.50}$

d) Jumlah yang diterima oleh Mohd Haziq (Penerima Namaan)

Bahagian yang diterima = 30%

Baki akaun En Hussaini = RM1, 989,995.00

Oleh itu,

$30\% \times RM1, 989,995.00 = \underline{RM596, 998.50}$

CONTOH SITUASI 3:

Penerima Hibah Amanah Meninggal Dunia:

En. Hassan (Pemberi Hibah Amanah) telah mendaftar Hibah Amanah **TH** pada **1 Januari 2015** dan menamakan **2 orang Penerima Hibah Amanah** mengikut agihan peratusan iaitu **Cik Noni** dihibahkan sebanyak **70%**, **En. Zul** sebanyak **30%**. Pada **1 April 2015 Cik Noni meninggal dunia** dan waris Cik Noni datang ke **TH** untuk membuat tuntutan. Pada ketika itu **baki Akaun TH En. Hassan** adalah berjumlah **RM50,000.00** (dengan andaian baki akaun semasa kematian dan tuntutan adalah sama) Berapakah amaun tuntutan yang akan diterima oleh waris Cik Noni?

Jumlah yang diterima oleh waris Cik Noni

Bahagian yang dituntut = 70%

Baki akaun En Hassan = RM50, 000.00

Oleh itu,

Tolak

- **Yuran Tutup Akaun RM5.00**

$$RM50,000.00 - RM5.00 = RM49,995.00$$

Jumlah yang akan diagihkan kepada Waris Penerima Hibah adalah **RM49,995.00**

$$70\% \times RM49,995.00 = RM34,996.50$$

Tolak

- **1% Yuran Tuntutan (1% x RM34,996.50) = RM349.96**

$$RM34,996.50 - RM349.96 = RM34,646.54$$

Amaun diterima = RM34,646.54

CONTOH SITUASI 4:

Penerima Hibah Amanah Meninggal Dunia Dan Penerima Namaan Masih Hidup:

En. Hussaini (Pemberi Hibah Amanah) telah mendaftar Hibah Amanah *TH* dan menamakan **3 orang Penerima Hibah Amanah** mengikut agihan peratusan iaitu **Cik Zulaika** dihibahkan sebanyak **20%**, **En. Ridzuan** sebanyak **20%** dan **En. Rafizi** dihibahkan sebanyak **30%**. Selain itu, beliau juga telah menamakan anak beliau, **Mohd Haziq sebagai Penerima Namaan** bagi baki lebihan iaitu sebanyak **30%**. **Setelah sebulan pendaftaran Hibah Amanah TH** dibuat, **Cik. Zulaika meninggal dunia** dan waris beliau telah menuntut bahagian atas agihan peratusan beliau sebanyak 20%. Pada ketika itu, **jumlah baki akaun En Hussaini** adalah sebanyak **RM8 juta**. **6 bulan kemudian, En. Ridzuan pula meninggal dunia** dan waris beliau

juga telah membuat tuntutan ke atas bahagian yang diperuntukkan. Pada ketika itu, **jumlah baki akaun En Hussaini** adalah sebanyak **RM4 juta**. **Setelah 5 tahun, En Rafizi meninggal dunia** dan waris beliau telah membuat tuntutan ke atas bahagian yang telah diberikan. **Jumlah baki akaun En.Hussaini** pada ketika itu adalah sebanyak **RM10 juta**. Berapakah jumlah tuntutan yang akan diterima oleh ketiga- tiga waris Penerima Hibah Amanah berdasarkan situasi di atas?

a) Jumlah yang diterima oleh waris Cik Zulaika

Bahagian yang dituntut = 20%

Baki akaun En Hussaini = RM8 juta

Oleh itu,

Tolak

- **Yuran Tutup Akaun RM5.00**

$$RM8,000,000.00 - RM5.00 = RM7,999,995.00$$

*Jumlah yang akan diagihkan kepada Waris Penerima Hibah adalah **RM7, 999,995.00***

$$20\% \times RM7, 999,995.00 = RM1, 599,999.00$$

Tolak

- **1% Yuran Tuntutan (1% x RM1,599,999.00) = RM15,999.99**

(Kadar Maksima RM10, 000.00)

$$RM1, 599,999.00 - RM10, 000.00 = RM1, 589,999.00$$

Amaun diterima = RM1, 589,999.00

b) Jumlah yang diterima oleh waris En. Ridzuan

Bahagian yang dituntut = 20% tetapi setelah tuntutan dibuat oleh waris Cik Zulaika peratusan ini telah menjadi 25%.

$$\{20\% / 80\% (100\% - 20\% \text{ peratus yang telah dituntut}) \times 100\% = 25\%\}$$

Baki akaun En Hussaini = RM4 juta

Oleh itu,

$$RM4,000,000.00 - RM5.00 = RM3,999,995.00$$

$$25\% \times RM3,999,995.00 = \underline{RM999,998.75}$$

Nota: Memandangkan yuran tuntutan maksimum bagi satu akaun Hibah Amanah **TH** ialah RM10,000.00 dan yuran tuntutan ini tidak akan dikenakan lagi kepada Akaun **TH** Pemberi Hibah Amanah.

c) Jumlah yang diterima oleh waris En. Rafizi

Bahagian yang dituntut = 30% tetapi setelah tuntutan dibuat oleh waris Cik Zulaika dan En Ridzuan peratusan ini telah menjadi 50%

$$\{30\% / 60\% (100\% - 40\% \text{ peratus yang telah dituntut}) \times 100\% = 50\%\}$$

Baki akaun En Hussaini = RM10 juta

Oleh itu,

$$RM10,000,000.00 - RM5.00 = RM9,999,995.00$$

$$50\% \times RM9,999,995.00 = \underline{RM4,999,997.50}$$

Nota: Memandangkan yuran tuntutan maksimum bagi satu akaun Hibah Amanah **TH** ialah RM10,000.00 dan yuran tuntutan ini tidak akan dikenakan lagi kepada Akaun **TH** Pemberi Hibah Amanah.

CONTOH SITUASI 5:

Penerima Hibah Amanah Meninggal Dunia:

En. Adnan (Pemberi Hibah Amanah) telah mendaftar Hibah Amanah *TH* dan menamakan **3 orang Penerima Hibah Amanah** mengikut agihan peratusan iaitu **Cik Nurul** dihibahkan sebanyak **20%**, **En. Amirul** sebanyak **20%** dan **En. Hamdan** dihibahkan dengan kadar **60%**. **Setelah sebulan pendaftaran** Hibah Amanah *TH* dibuat, **Cik Nurul meninggal dunia** dan waris beliau telah menuntut bahagian atas agihan peratusan beliau sebanyak 20%. Pada ketika itu, **jumlah baki akaun En Adnan** adalah sebanyak **RM800,000.00**. **6 bulan kemudian, En. Amirul pula meninggal dunia** dan waris beliau juga telah membuat tuntutan ke atas bahagian yang diperuntukkan. Pada ketika itu, **jumlah baki akaun En. Adnan** adalah sebanyak **RM2 juta**. **Sebulan selepas En. Amirul meninggal dunia, En. Hamdan pula meninggal dunia**. Pada ketika itu **jumlah baki Akaun En. Adnan** adalah sebanyak **RM50,000.00**. Berapakah jumlah tuntutan yang akan diterima oleh ketiga-tiga waris Penerima Hibah Amanah tersebut berdasarkan situasi di atas?

a) Jumlah yang diterima oleh waris Cik Nurul

Bahagian yang dituntut = 20%

Baki akaun En. Adnan = RM800, 000.00

RM800, 000.00 – RM5.00 = RM799, 995.00

Oleh itu,

20% x RM799,995.00= RM159,999.00

1% Yuran Tuntutan x RM159, 999.00 = RM1,599.99

RM159,999.00 - RM1,599.99 = RM158, 399.01

b) Jumlah yang diterima oleh waris En. Amirul

Bahagian yang dituntut = 20% tetapi setelah tuntutan dibuat oleh waris Cik Nurul peratusan ini telah menjadi 25%.

{20% / 80% (100% - 20% peratus yang telah dituntut) x 100% = 25%}

Baki akaun En. Adnan = RM2 juta

$RM2,000,000.00 - RM5.00 = RM1,999,995.00$

Oleh itu,

$25\% \times RM1,999,995.00 = RM499,998.75$

$1\% \text{ Yuran Tuntutan} \times RM499,998.75 = RM4,999.98$

$RM499,998.75 - RM4,999.98 = \underline{RM494,998.77}$

c) Jumlah yang diterima oleh waris En. Hamdan

Bahagian yang dituntut = 60% tetapi setelah tuntutan dibuat oleh waris Cik Nurul dan En. Amirul peratusan ini telah menjadi 100%

$\{60\% / 60\% (100\% - 40\% \text{ peratus yang telah dituntut}) \times 100\% = 100\%\}$

Baki akaun En. Adnan = RM50,000.00

$RM50,000.00 - RM5.00 = RM49,995.00$

Oleh itu,

$100\% \times RM49,995.00 = RM49,995.00$

$1\% \text{ Yuran Tuntutan} \times RM49,995.00 = RM499.95$

$RM49,995.00 - RM499.95 = \underline{RM49,495.05}$

Nota:

Dalam situasi C, pencairan RM1,000.00 akan dilakukan dan Hibah Amanah tersebut akan terbatal oleh kerana tidak ada Penerima Hibah lagi.

CONTOH SITUASI 6:

Penerima Hibah Amanah Meninggal Dunia Dan Akaun Pemberi Hibah Amanah Ada

Pendaftaran Haji Biasa (Kecuali pendaftaran melalui KWSP)

En. Raman (Pemberi Hibah Amanah) telah membuat **pendaftaran haji biasa** dan juga telah mendaftar **Hibah Amanah TH** pada **1 Januari 2015** dan menamakan **2 orang Penerima Hibah Amanah** mengikut agihan peratusan iaitu **Cik Noni** dihibahkan sebanyak **50%** dan **En. Zam** sebanyak **50%**. Pada **1 April 2015 Cik Noni meninggal dunia** dan waris Cik Noni datang ke **TH** untuk membuat tuntutan. Pada ketika itu **baki Akaun TH En. Raman** adalah berjumlah **RM100,000.00**. Pada **1 Jun 2015 En. Zam pula meninggal dunia** dan ketika itu **baki wang Simpanan En. Raman** berjumlah **RM50,000.00**. Berapakah amaun tuntutan yang akan diterima oleh kedua-dua waris tersebut?

a) Jumlah yang diterima oleh waris Cik Noni

Bahagian yang dituntut = 50%

Baki akaun En. Raman RM100, 000.00 dan ada membuat pendaftaran haji biasa

Oleh itu,

RM100, 000.00 – RM5.00 – RM1, 300.00 = RM98, 695.00

*50% x RM98, 695.00 = **RM49, 347.50***

1% Yuran Tuntutan x RM49, 347.50 = RM493.47

*RM49, 347.50 – RM493.47 = **RM48.854.03***

b) Jumlah yang diterima oleh waris En. Zam

Bahagian yang dituntut = 50% tetapi setelah tuntutan dibuat oleh waris Cik Noni peratusan ini telah menjadi 100%.

{50% / 50% (100% - 50% peratus yang telah dituntut) x 100% = 100%}

Baki akaun En.Raman RM50, 000.00 dan ada pendaftaran haji biasa

Oleh itu,

$RM50,000.00 - RM5.00 - RM1,300.00 = RM48,695.00$

$100\% \times RM48,695.00 = \mathbf{RM48,695.00}$

$1\% \text{ Yuran Tuntutan} \times RM48,695.00 = RM486.95$

$RM48,695.00 - RM486.95 = \mathbf{RM48,208.05}$

Nota:

Dalam situasi B, pencairan RM1,000.00 akan dilakukan dan Hibah Amanah tersebut akan terbatal oleh kerana tidak ada Penerima Hibah lagi.

CONTOH SITUASI 7:

Penerima Hibah Amanah Meninggal Dunia Dan Kemudian Pemberi Hibah Amanah Pula Meninggal Dunia:

En. Azman (Pemberi Hibah Amanah) telah mendaftar Hibah Amanah *TH* dan menamakan **2 orang Penerima Hibah Amanah** mengikut agihan peratusan iaitu **Cik Hayati** dihibahkan sebanyak **50%**, dan **En. Amin** sebanyak **50%**. **Setelah sebulan pendaftaran Hibah Amanah TH** dibuat, **Cik Hayati meninggal dunia** dan waris beliau datang menuntut bahagian atas agihan yang diperuntukkan. Pada ketika itu, **jumlah baki akaun En Azman** adalah sebanyak **RM100,000.00**. **2 bulan kemudian, En. Amin pula meninggal dunia** dan waris beliau juga telah membuat tuntutan ke atas bahagian yang diperuntukkan. Pada ketika itu, **jumlah baki akaun En. Azman** adalah sebanyak **RM200,000.00**. **Sebulan selepas En. Amin meninggal dunia, En. Azman (Pemberi Hibah) pula meninggal dunia**. Pada ketika itu **jumlah baki Akaun En. Azman** adalah sebanyak **RM250,000.00**. Berapakah amaun tuntutan yang akan diterima oleh kedua-dua waris Penerima Hibah Amanah tersebut berdasarkan situasi di atas dan siapakah yang berhak ke atas wang simpanan setelah kematian En. Azman?

a) Jumlah yang diterima oleh waris Cik Hayati

Bahagian yang dituntut = 50%

Baki akaun En. Azman = RM100,000.00

$RM100,000.00 - RM5.00 = RM99,995.00$

Oleh itu,

$$50\% \times \text{RM}99,995.00 = \text{RM}49,997.50$$

$$1\% \text{ Yuran Tuntutan} \times \text{RM}49,997.50 = \text{RM}499.97$$

$$\text{RM}49,997.50 - \text{RM}499.97 = \underline{\text{RM}49,497.53}$$

b) Jumlah yang diterima oleh waris En. Amin

Bahagian yang dituntut = 50% tetapi setelah tuntutan dibuat oleh waris Cik Hayati peratusan ini telah menjadi 100%.

$$\{50\% / 50\% (100\% - 50\% \text{ peratus yang telah dituntut}) \times 100\% = 100\%\}$$

$$\text{Baki akaun En. Azman} = \text{RM}200,000.00$$

Oleh itu,

$$\text{RM}200,000.00 - \text{RM}5.00 = \text{RM}199,995.00$$

$$100\% \times \text{RM}199,995.00 = \text{RM}199,995.00$$

$$1\% \text{ Yuran Tuntutan} \times \text{RM}199,995.00 = \text{RM}1,999.95$$

$$\text{RM}199,995.00 - \text{RM}1,999.95 = \underline{\text{RM}197,995.05}$$

Nota:

Pencairan amaun RM1,000.00 berlaku dalam situasi B dan baki Akaun Pendeposit/ Pemberi Hibah Amanah cuma tinggal RM5.00 sahaja.

c) Setelah kematian Pemberi Hibah Amanah/Pendeposit (En. Azman)

$$\text{Baki Akaun En. Azman} = \text{RM}250,000.00$$

En. Azman tidak membuat pindaan Hibah Amanah atau Penamaan yang baru.

Oleh itu,

Tuntutan pusaka boleh dibuat oleh mana-mana waris yang berhak berdasarkan Hukum Syarak atau mana-mana pihak dengan mengemukakan Surat Kuasa/Perintah (Mahkamah Syariah / Mahkamah Sivil / Bicara Kecil Pejabat Tanah / Amanah Raya Berhad) dan proses tuntutan adalah tidak menggunakan Sistem Hibah Amanah tetapi menggunakan Sistem Pusaka.

CONTOH SITUASI 8:

Penerima Hibah Amanah Hybrid (Hibah dan Penamaan) Meninggal Dunia Dan Pemberi Hibah Amanah Pula Meninggal Dunia.

En. Abu Bakar (pemberi hibah amanah) telah mendaftar hibah amanah dan penamaan **TH (Hybrid)** pada **1 Februari 2016**. En Abu Bakar menamakan 4 orang penerima Hibah Amanah mengikut agihan yang diperuntukan iaitu **Cik Wadah** dihibahkan sebanyak **10%**, **En Syafiq** dihibahkan sebanyak **30%**, **Cik Ilyana** dihibahkan sebanyak **10%** dan **En. Adib** dihibahkan sebanyak **20%**. En. Abu Bakar juga mendaftarkan **2 orang penama** iaitu kepada **En. Adib** dan **Cik Linda** dengan peratusan **30%**.

Pada **4 Mei 2016**, **Cik Wadah meninggal dunia** dan waris beliau datang menuntut bahagian atas agihan yang diperuntukan pada **1 Jun 2016** ketika itu baki akaun semasa En Abu Bakar adalah berjumlah **RM100,000.00**. Selepas itu, pada 13 Disember 2016 **En. Adib** pula meninggal dunia dan waris beliau datang menuntut bahagian atas agihan yang diperuntukkan pada **2 Mac 2017**. Baki akaun semasa En Abu Bakar pada tarikh tuntutan adalah berjumlah **RM1, 000,000.00**.

Selepas dua tahun 4 bulan 14 hari En Abu Bakar pula meninggal dunia pada tarikh 14 Jun 2018. Baki akaun semasa En Abu Bakar adalah berjumlah **RM500,000.00** semasa tuntutan

dibuat pada 15/3/2019. Berapakah jumlah tuntutan pembahagian peratusan yang akan diterima oleh penerima Hibah Amanah dan juga Penamaan tersebut?

Penerima Hibah Amanah Meninggal Dunia:

a) Jumlah yang diterima oleh waris Cik Wadah

Bahagian yang dituntut = 10%

Baki akaun En. Abu Bakar = RM100, 000.00

*RM100, 000.00 – RM5.00 = **RM99, 995.00***

Oleh itu,

*10% x RM99, 995.00= **RM9, 999.50***

*1% Yuran Tuntutan x RM9, 999.50 = **RM100.00***

*RM9, 999.50 - RM100.00= **RM9, 899.50***

b) Jumlah yang diterima oleh waris En. Adib

Bahagian yang dituntut = 20% tetapi setelah tuntutan dibuat oleh waris En.Adib peratusan ini telah menjadi 22.22%.

{20% / 90% (100% - 10% peratus yang telah dituntut) x 100% = 22.22%}

Baki akaun En.Abu Bakar RM1, 000,000.00

Oleh itu,

*RM1, 000, 000.00 – RM5.00 = **RM999, 995.00***

*22.22% x RM999, 995.00 = **RM222, 198.88***

1% Yuran Tuntutan x RM222, 198.88 = RM2, 221.98

*RM222, 198.88 – RM2, 221.98= **RM219, 976.90***

Nota:

Dalam situasi B, peratusan penamaan tidak boleh dituntut kerana Pendeposit/Pemberi Hibah Amanah masih hidup.

Pemberi Hibah Amanah Meninggal Dunia:

Cara pengiraan proses penutupan akaun Pemberi Hibah Amanah (En. Abu Bakar):

- Baki akaun simpanan TH semasa tuntutan dibuat = **RM500, 000.00**

Tolak

- Yuran Tutup Akaun **RM5.00**
- 1 % Yuran Tuntutan (1% x RM499,995.00) = **RM4,999.95**

$$RM500, 000.00 - RM5.00 - RM4, 999.95 = RM494, 995.05$$

Jumlah yang akan diagihkan kepada Penerima Hibah Amanah dan Penerima Namaan adalah **RM494, 995.05**

c) Jumlah yang diterima oleh Encik Syafiq

Bahagian yang dituntut = 30% tetapi setelah tuntutan dibuat oleh waris Cik Wadah dan En.Adib peratusan ini telah menjadi 42.86%

$$\{30\% / 70\% (100\% - 30\% peratus yang telah dituntut) \times 100\% = 42.86\%\}$$

Baki akaun En Abu Bakar = RM494, 995.05

Oleh itu,

$$42.86\% \times RM494, 995.05 = \underline{\underline{RM212, 154.88}}$$

d) Jumlah yang diterima oleh Cik Ilyana

Bahagian yang dituntut = 10% tetapi setelah tuntutan dibuat oleh waris Cik Wadah dan En.Adib peratusan ini telah menjadi 14.28%

$$\{10\% / 70\% (100\% - 30\% \text{ peratus yang telah dituntut}) \times 100\% = 14.28\%$$

Baki akaun En Abu Bakar = RM494, 995.05

Oleh itu,

$$14.28\% \times \text{RM}494, 995.05 = \underline{\text{RM}70, 685.29}$$

e) Jumlah yang diterima oleh Cik Linda (Penerima Namaan)

Bahagian yang dituntut = 30% tetapi setelah tuntutan dibuat oleh waris Cik Wadah dan En.Adib peratusan ini telah menjadi 42.86%

$$\{30\% / 70\% (100\% - 30\% \text{ peratus yang telah dituntut}) \times 100\% = 42.86\%$$

Baki akaun En Abu Bakar = RM494, 995.05

Oleh itu,

$$42.86\% \times \text{RM}494, 995.05 = \underline{\text{RM}212, 154.88}$$

Nota Keseluruhan:

- 1) *Baki Minima **RM5.00** dan Amaun Aqad Hibah Amanah **RM1,000.00** perlu dikekalkan selagi Pendeposit/Pemberi Hibah Amanah masih belum meninggal dunia.*

- 2) *Semua perkiraan kajian kes yang dibuat adalah berdasarkan andaian baki akaun **TH** semasa kematian adalah sama dengan tuntutan.*
- 3) *Pencairan Amaun Aqad Hibah Amanah RM1,000.00 akan dilakukan setelah:-*
 - *Kematian Pemberi Hibah Amanah; atau*
 - *Kematian Penerima Hibah Amanah yang terakhir walaupun masih terdapat Penerima Namaan.*
- 4) *Pencairan Amaun Daftar Haji RM1,300.00 akan dilakukan setelah kematian Pemberi Hibah Amanah.*
- 5) *Seandainya pemberi Hibah Amanah ada membuat Pendaftaran Haji maka pengiraan bayaran tuntutan Hibah Amanah kepada waris penerima Hibah Amanah adalah setelah menolak wang pendaftaran haji tersebut.*
- 6) *Sekiranya terdapat pembekuan akaun ataupun pembekuan amaun ianya perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum memproses bayaran Hibah Amanah.*
- 7) *Yuran Tuntutan tidak akan dikenakan sekiranya telah mencapai maksimum RM10,000.00*
- 8) *Yuran tutup akaun berjumlah RM5.00 akan dikenakan ke atas penutupan Akaun **TH**.*
- 9) *Pengkreditan ke bank adalah tertakluk kepada kadar caj yang telah ditetapkan oleh pihak bank.*
- 10) *Seandainya penerima dan pemberi Hibah Amanah meninggal dunia serentak, maka pengiraan bagi tuntutan Hibah Amanah adalah mengikut pengiraan pemberi Hibah Amanah meninggal dunia.*